

09 OCT 1999

AGONG HANTAR UCAP SELAMAT KEPADA FIJI

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengirim ucap selamat kepada Presiden Fiji, Ratu Sir Kamisese Kapawai Tuimacilai Mara sempena ulang tahun hari kemerdekaan negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirim perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Mahendra Pal Chaudhry, dan beliau berkata hubungan persahabatan yang sedia wujud antara Malaysia dan Fiji dapat diperkukuhkan untuk memberikan manfaat kepada kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga mengirim perutusan yang serupa kepada Menteri Luar dan Perdagangan Luar Fiji Prof Tupeni Lebaivalu Baba.

--BERNAMA

AKT RI